

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING]

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah saringan harian RT-PCR dan RTK Antigen yang dilakukan oleh KKM di Malaysia dari September 1- Oktober 14,2020, jumlah setiap minggu untuk masa yang sama. Apakah kapasiti saringan harian untuk RT-PCR & RTK Antigen termasuk jumlah yang dibuat di setiap negeri untuk tempoh masa sama. Apakah kadar purata RT-PCR dan antigen RTK yang dibuat setiap minggu antara Mac-April dan Jun-Ogos.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 01 December 2020, jumlah keseluruhan ujian Reverse Transcription - Polymerase Chain Reaction (RT PCR) COVID-19 yang telah dijalankan adalah sebanyak **2,486,896** manakala sebanyak **529,954** ujian Rapid Test Kit (RTK) Antigen COVID-19 telah dijalankan. Ini membawa kepada jumlah keseluruhan **3,016,850** pengujian sampel COVID-19 telah dijalankan di seluruh Malaysia.

2. Bagi tempoh antara 1 September hingga 14 Oktober, jumlah keseluruhan ujian persampelan COVID-19 yang dijalankan di fasiliti KKM adalah sebanyak 363,977 bagi RT-PCR dan 79,811 bagi RTK-Antigen. Secara puratanya, 60,662.8 ujian RT PCR dijalankan secara mingguan dan 8,272 ujian RT PCR dijalankan secara harian. Bagi tempoh yang sama, 13,301 ujian RTK-Antigen dijalankan secara mingguan dan 1,813 ujian RTK-Antigen dijalankan secara harian.

3. Kapasiti bagi pengujian RT-PCR adalah berdasarkan kapasiti pengujian sampel di makmal-makmal KKM yang ditempatkan di seluruh Malaysia. Secara keseluruhannya, makmal-makmal ini mampu mengendalikan sampel sebanyak 16,575 ke 20,000 sampel sehari. Bagi pengujian RT-Antigen, memandangkan ia merupakan ujian pantas di lapangan, kapasiti pengujiannya adalah bergantung kepada kemampuan staf dan ketersediaan kit RTK Antigen ini di lapangan. Secara puratanya, sebanyak 200-5,000 ujian RTK Antigen dapat dijalankan sehari mengikut fasiliti.

4. Bagi tempoh masa Mac-April (8 minggu), secara puratanya, pengujian RT PCR adalah sebanyak 54,777 ujian seminggu. Ketika ini, ujian RTK Antigen belum dijalankan lagi dan ia hanya bermula pada bulan Mei 2020. Bagi tempoh masa Jun-Ogos (12 minggu), secara puratanya, pengujian RT PCR adalah sebanyak 38,709 ujian seminggu manakala sebanyak 10,294 ujian RTK Antigen dijalankan seminggu.

Sekian, terima kasih.